PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 17(1) Jun. 2013 (39–48)

Persepsi Pelajar Melayu Terhadap Sifat dan Konsep Malu Orang Melayu

Norazlina Hj. Mohd Kiram, Nik Farhan Mustapha
noraz@putra.upm.edu.my
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Sifat malu merupakan akhlak terpuji yang ada dalam diri setiap individu. Bagi orang Melayu, sifat malu bukan sekadar emosi tetapi mempunyai pengertian yang lebih luas sehingga dapat membentuk satu konsep. Konsep ini dikenali sebagai konsep malu orang Melayu yang merangkumi pegangan hidup, tingkah laku, kepercayaan dan peraturan yang dipatuhi oleh masyarakatnya. Kajian oleh Norazlina Hj. Mohd. Kiram (2010) menunjukkan bahawa konsep malu yang berasaskan Al-Quran dan Hadis dapat dijadikan asas pegangan hidup dan penanda jati diri orang Melayu. Kajian ini cuba mengupas persepsi pelajar Melayu terhadap sifat dan konsep malu orang Melayu dengan menggunakan kaedah soal selidik. Responden kajian terdiri daripada 172 orang pelajar Melayu yang sedang mengikuti pengajian Bacelor di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Hasil daripada data dalam borang soal selidik menunjukkan pelajar Melayu mengetahui sifat dan konsep malu orang Melayu tetapi tidak secara mendalam. Sehubungan itu, kajian ini difikirkan amat bermanfaat sebagai panduan dan rujukan kepada pembaca untuk menilai sejauh manakah kefahaman orang Melayu, terutamanya pelajar Melayu terhadap sifat dan konsep malu.

Kata kunci: sifat malu, konsep malu, maruah, ekspresi malu, jati diri

Abstract

Shyness is one of the valued characteristics that exists in every person. For the Malays, this characteristic is not only confined to emotions, but it also holds wider meanings which form a concept. This concept encompasses the principles, behaviours, beliefs, and rules that should be observed by the Malay comunity. A study by Norazlina Hj. Mohd. Kiram (2010) shows that the concept of shyness which is based on the Holy Quran and Hadith can be used as a fundamental principle of life and to show the true value of a Malay. This article aims to obtain the perceptions of 172 Bachelor of Arts Malay students in the Faculty of Modern Languages and Communication at Universiti Putra Malaysia. The findings show that these Malay students understand the characteristics and concept of shyness but at a superficial level. Hence, this study is significant as it can be used as a guideline and reference for readers to gauge the extent of understanding of this unique concept among Malay students.

Key words: attributes, concept, dignity, shyness, identity

1. Pengenalan

Kajian mengenai perihal orang Melayu memang banyak dilakukan baik dalam bidang bahasa mahupun sastera. Walau bagaimanapun, kajian mengenai sifat dan konsep malu orang Melayu masih terbatas dan kurang mendapat perhatian. Kebanyakan kajian yang dilakukan oleh sarjana tempatan didapati lebih terarah kepada aspek kesantunan berbahasa dan budaya berbahasa. Misalnya kajian oleh Robert Sibarani (2004) dan Teo Kok Seong (2003). Kajian mengenai sifat dan konsep malu orang Melayu sangat berbeza jika dibandingkan bangsa lain. Emosi malu dalam bahasa Melayu tidak sama ertinya dengan *'shame'* dalam bahasa Inggeris, *'whakamaa'* dalam bahasa Maori, *'ha'ama'* dalam bahasa Tahiti atau *'haji'* dalam bahasa Jepun. Ini kerana bahasa mempunyai kata yang mengandungi konsep budaya, yang relevan dengan masyarakat pendukungnya (Mulyadi, 2001:28). Senario semasa pula menunjukkan ada anggota masyarakat yang menterjemahkan sifat dan konsep malu mengikut pandangan

peribadi semata-mata. Malah, masih ramai yang gagal mengetepikan rasa malu terutamanya apabila melibatkan proses mencari ilmu. Sebagai contoh, pelajar-pelajar Melayu dikatakan memang pemalu, pendiam, tidak mahu menonjol diri dan lebih suka memendam pendapat. Dalam hal ini, Omar Md Hashim (2003:46) menyatakan mereka bersikap sedemikian kerana malu atau takut orang memandangnya bodoh selain terlalu hormat kepada gurunya. Oleh itu, mereka menyimpan pendapat-pendapat yang bernas untuk diri sendiri dan terlepas peluang berkongsi pandangan, menguji dan berdebat bagi mendapatkan kesahihan. Hal ini sangat merugikan orang Melayu kerana mereka tidak dapat menyerap tradisi kesarjanaan dan ilmu yang tinggi. Bertitik tolak daripada sinilah, kajian ini dihasilkan untuk mengenal pasti sejauh manakah persepsi pelajar Melayu terhadap sifat dan konsep malu.

2. Kajian Lepas

Mohamed Mansor Abdullah (1993:244-290) melalui kajiannya, telah memperhalusi unsur psikologi orang Melayu dari sudut kejiwaan yang mengandungi konsep malu dan segan. Konsep ini tidak hanya tertumpu kepada perasaan atau emosi individu semata-mata, tetapi turut mengandungi satu sistem nilai dan kepercayaan dalam sesebuah masyarakat. Selanjutnya, Mohamed cuba menghuraikan sebab-sebab mengapa orang Melayu mempunyai sikap malu dan segan. Selain itu, kajian ini juga ingin mengenal pasti reaksi atau tindak balas yang ditunjukkan oleh orang Melayu apabila mendapat malu. Orang Melayu didapati boleh bertindak agresif atau langsang terhadap lawannya apabila emosi malu telah menguasai mindanya. Seterusnya, Mohamed cuba menghuraikan unsur positif di sebalik tindak-tanduk seseorang itu baik terhadap harga dirinya, bangsanya mahupun agamanya. Secara keseluruhannya, kajian ini telah memperlihatkan kesungguhan Mohamed untuk mengangkat martabat orang Melayu melalui konsep malu dan segan.

Seterusnya, Mulyadi (2001:28-35) menyatakan bahawa malu merupakan sebahagian daripada komponen emosi negatif dan ia menjadi lebih kompleks dalam bahasa Melayu. Namun, budaya Melayu melihat keinginan untuk menghindari rasa malu sebagai satu kekuatan dalam perhubungan sosial. Hal ini selari dengan dua konsep sosial yang saling berkaitan, iaitu persoalan tentang maruah dan harga diri. Kedua-dua konsep tersebut menegaskan mengenai perilaku orang Melayu yang cukup menjaga maruah keluarga dan menghindari perbuatan menyinggung harga diri orang lain. Orang Melayu percaya, maruah dan harga diri ibarat nyawa yang tidak ternilai harganya. Jika maruah dan harga diri telah tergadai, hidup tidak lagi bermakna. Ekspresi malu dikatakan muncul apabila seseorang itu diejek atau dimarahi di hadapan orang ramai. Selain itu, seseorang itu juga akan berasa malu apabila bahagian tubuhnya terlihat oleh orang lain, terutama yang jantinanya berbeza. Walau bagaimanapun, kemunculan rasa malu ini tidak semestinya disebabkan oleh sesuatu yang menimpa diri orang yang mengalami, malah boleh juga dicetuskan oleh orang lain. Misalnya, apabila salah seorang anggota keluarganya hamil di luar nikah maka ia akan memberikan penilaian negatif terhadap dirinya. Penilaian negatif ini bukan sahaja terdapat dalam fikiran, tetapi juga berterusan dalam bentuk ujaran atau kata. Seterusnya, makna malu merupakan reaksi daripada rasa malu dan ia mempunyai hubungan dengan konsep penglihatan. Misalnya, kerana malu seseorang itu tidak mahu bertemu dengan temannya ataupun kerana malu adakah seseorang itu mahu bertemu dengan temannya.

Beberapa kajian tentang sifat malu orang Melayu pernah dilakukan oleh sarjana Barat seperti Buhler, Hetzer dan Hurlock & Sender (Mohamed Mansor Abdullah, 1993:254). Namun, hasil kajian mereka didapati menyimpang dari landasan realiti sebenar yang dialami oleh bangsa Melayu. Faktor kekurangan pengetahuan mengenai selok-belok adat, budaya, kepercayaan dan nilai orang Melayu itu sendiri dikatakan menjadi puncanya. Akibatnya, mereka gagal menjiwai sifat dan konsep malu yang mendasari kehidupan orang Melayu sehingga merumuskan bahawa, perasaan malu akan menyebabkan seseorang itu menjadi tidak tentu arah dan keliru serta mengaitkannya dengan fasa negatif *(negative phase)*. Menurut Zimbardo dan Radl:

> *Shyness creates extreme self-consciousness and pre-occupation with one's performance. Shyness reinforce one's sense of low self-esteem, creating even more self-doubt. It keeps people from taking risks, and this in turn keeps them from reaching their full potential.*
>
> Zimbardo dan Radl (1979 : 5)

Kenyataan Zimbardo dan Radl menjelaskan bahawa sifat malu merupakan suatu elemen yang negatif. Ia merupakan halangan bagi individu untuk melakukan sesuatu perkara walaupun untuk mencuba. Hal ini kerana perasaan malu yang wujud dalam diri seseorang itu telah menyebabkannya bersikap pasif. Dengan perkataan lain, perasaan malu diterjemahkan sebagai satu unsur yang menghalang bangsa Melayu daripada berfikir, bertindak dan bertingkah laku secara positif. Seterusnya, ia tidak dapat memperkembangkan kebolehan dan potensi yang ada dalam diri individu, sekali gus gagal mencapai matlamat hidup. Kenyataan ini sama sekali bercanggah dengan pandangan Islam yang meletakkan konsep malu di tempat yang mulia dan tinggi.

Sifat Malu dalam Masyarakat Melayu

Sifat malu merupakan sifat semulajadi yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T kepada setiap umat-Nya. Dalam konteks Islam, malu merupakan sebahagian daripada iman. Oleh itu, masyarakat Melayu sangat menyanjung sifat malu dengan meletakkannya di tempat yang tinggi, mulia dan suci serta menjadi asas bagi membentuk kepercayaan. Dengan kata lain, sifat malu telah diterima sebagai suatu nilai mutlak yang luhur dan merupakan maruah bangsanya. Seterusnya, nilai ini dikaitkan pula dengan keperibadian orang Melayu yang dikatakan mempunyai perasaan malu yang menebal. Dalam masyarakat Melayu, sifat malu telah menjadi sebahagian daripada budaya bertingkah laku. Budaya orang Melayu yang cukup mementingkan 'rasa malu' ini jelas tergambar melalui pelbagai ungkapan seperti, *"harga garam pada asinnya, harga manusia pada malunya, tanda parang pada hulunya, tanda orang pada malunya".* Ungkapan ini jelas menunjukkan bahawa budaya malu sudah menjadi darah daging dan sebati dalam diri orang Melayu (Ahmad Samin Siregar, 2000:180). Justeru, individu yang mempunyai perasaan malu yang tinggi akan lebih dihargai, bermaruah dan dipandang mulia oleh masyarakat. Hal ini selari dengan adat dan tradisi masyarakat Melayu yang sangat mementingkan air muka. Rasa malu inilah yang menjadikan orang Melayu tidak mahu "mengambil muka", "tidak mahu membesarkan diri", "tidak mahu menjilat" dan sebagainya. Menurut Tenas Effendy (2002:36), salah satu nilai utama dalam budaya Melayu ialah perasaan aib dan malu. Orang Melayu dikatakan amatlah menjaga dirinya supaya tidak mendapat aib dan malu serta tidak pula membuang rasa aib malunya. Sikap hidup "tak beraib malu", atau "tak bermalu" amatlah ditabukan dalam kehidupan orang Melayu. Hal ini disebabkan oleh budaya malu telah sebati dalam kehidupan orang Melayu. Budaya malu ini kemudiannya telah menjadi jati diri orang Melayu, seperti dalam ungkapan *"maruah Melayu terletak pada rasa aib dan malu"*. Sehubungan itu, anak-anak diberikan pendidikan agama sejak dari kecil lagi supaya mereka menjadi pewaris yang berkeperibadian tinggi termasuklah memiliki sifat malu yang utuh (Norazlina Hj. Mohd. Kiram, 2010).

Konsep Malu dalam Masyarakat Melayu

Konsep malu orang Melayu merupakan satu konsep yang bersifat universal dan menyeluruh. Dalam konteks sosial, orang Melayu mengaitkan perasaan malu dengan maruah, harga diri dan air muka. Mereka percaya, ketiga-tiga elemen ini berfungsi sebagai lambang kehormatan dan maruah bangsa Melayu keseluruhannya. Sehubungan itu, konsep malu telah diterima sebagai nilai mutlak yang luhur. Di dalamnya, terkandung satu sistem nilai yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan seperti pegangan hidup, perlakuan, tingkah laku, kepercayaan dan peraturan yang dipatuhi oleh masyarakatnya. Dalam mempertahankan konsep ini, orang Melayu amat menekankan nilai-nilai yang berteraskan Islam. Justeru, konsep malu yang menjadi pegangan itu mestilah tidak bercanggah dengan akidah dan ajaran Islam. Inilah kekuatan orang Melayu dalam mempertahankan konsep malu. Malah, konsep ini dapat berfungsi sepenuhnya kerana mereka mempunyai perasaan takut kepada Tuhan dan kesedaran mengenai dosa dan pahala. Bagi masyarakat Melayu tradisional, konsep malu ini banyak diterjemahkan dalam bentuk kiasan Melayu. Elemen-elemen daripada alam diolah dan disusun menjadi bahan perbandingan dengan tingkah laku atau cara hidup masyarakat Melayu. Hal ini jelas digambarkan dalam kata perbilangan, *"seekor kerbau berkubang, semua kena lumpurnya"* dan *"sehina semalu"*. Begitu juga dengan peribahasa seperti, *"memperhujankan garam sendiri"*, *"menebas buluh serumpun"* dan *"seorang cecak, semuanya merasa pedih"*. Ketiga-tiga peribahasa tersebut membawa maksud, setiap perbuatan aib bukan sahaja memalukan individu yang melakukannya tetapi juga akan menjejaskan air muka orang disekelilingnya.

Menurut Mohamed Mansor Abdullah (1993: 244-290), terdapat empat subkonsep malu dan segan yang boleh dijadikan asas penting dalam mengkaji konsep malu orang Melayu. Pertama, ialah perasaan malu yang

berpunca daripada perasaan rendah diri ataupun perasaan segan terhadap kekurangan yang ada pada diri sendiri apabila dibandingkan dengan orang lain. Kekurangan ini boleh juga bermaksud kebodohan, kejahilan, tidak setimpal, tidak seperti, mahupun tidak setaraf. Individu yang mengalami perasaan begini selalunya menganggap dirinya lebih kecil dan hina daripada orang lain yang dianggapnya mempunyai serba kelebihan pula. Kedua, diberi malu iaitu merujuk kepada perbuatan yang keji, hina dan jijik yang dilemparkan kepada orang lain sehingga orang yang menerimanya berasa hina dan rendah diri. Penghinaan ini boleh dilaksanakan sama ada dalam bentuk kata-kata yang kesat, sindiran, kutukan ataupun ancaman. Malah ada juga penghinaan itu dilemparkan oleh seseorang hanya melalui sikapnya sahaja. Ketiga, ialah mendapat malu iaitu apabila seseorang individu dimalukan maka dia akan mendapat malu besar. Hal ini bererti dia terhina dan terkeji daripada sudut pandangan orang lain. Orang yang mendapat aib dan keji ini selalunya berasa marah, geram, sanggup bertindak kasar dan keras terhadap orang yang memalukannya. Keempat, ialah memalukan iaitu suatu tindakan, perbuatan, tingkah laku ataupun sikap yang ditunjukkan oleh seseorang individu yang sungguh menjijikkan. Perbuatan, tingkah laku, perangai dan sikap begini bukan sahaja boleh menjejaskan nama baik atau memalukan diri si pembuatnya sendiri, tetapi ia juga boleh memalukan dan mengaibkan nama keluarga, masyarakat dan bangsanya.

Sifat dan Konsep Malu Menurut Islam

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, sifat malu merupakan naluri yang semulajadi dan berpusat pada fitrah manusia. Malu atau *haya'* di dalam bahasa Arab berasal daripada perkataan *hayat* yang bermaksud "kehidupan". Ia mencakupi sifat malu, memelihara aib diri dan orang lain, kesopanan, harga diri dan bersikap jujur dalam menjaga dan memelihara maruah kerana Allah (Abd Rahman Abd Majeed, 2004:1). Dalam Islam, sifat malu merupakan sifat yang dituntut oleh agama dan menjadi sebahagian daripada iman kerana kesan yang ditimbulkannya akan membawa kebaikan. Nabi Muhammad S.A.W. menjelaskan bahawa, malu itu selalu mendatangkan kebaikan sebagaimana sabdanya, "malu itu tidak akan mendatangkan sesuatu kecuali berupa kebaikan" (As'ad Ash-Shagharji, 2003:26). Melalui sifat malu, seseorang itu akan terdorong untuk meninggalkan keburukan dan mencegah dari kelalaian terhadap hak orang lain. Dengan kata lain, individu yang mempunyai sifat malu akan merasa bersalah apabila melakukan perbuatan buruk dan haram. Daripada sifat malu ini jugalah, lahirnya individu yang memiliki budi pekerti dan adab sopan yang mulia. Dalam hubungan ini, tahap keimanan seseorang individu itu boleh diukur dengan melihat kepada sejauh mana keteguhannya dalam memegang etika malu. Semakin kuat rasa malu seseorang itu untuk tidak melakukan perbuatan yang tidak baik, maka semakin kuat pula tahap keimanannya.

Membicarakan konsep malu pula, masyarakat Melayu mesti memandangnya daripada sisi yang lebih luas. Walau bagaimanapun, perkara yang paling asas dalam konsep malu mestilah dihayati terlebih dahulu, iaitu perasaan malu terhadap Allah mestilah melebihi perasaan malu sesama manusia. Konsep malu ini secara tidak langsung merupakan konsep kesedaran berakhlak yang mewajibkan setiap orang Muslim berpegang kepada Al-Quran dan Hadis. Dalam hubungan ini, Nabi Muhammad S.A.W pernah menegaskan konsep malu itu dengan sabda yang bermaksud, "Malu itu suatu ciri akhlak yang mulia kerana ia menghindarkan seseorang daripada melakukan sesuatu yang salah dan terkutuk". Ini menunjukkan bahawa Nabi Muhammad S.A.W. sangat menekankan konsep malu dalam kemurnian tingkah laku dan juga dalam segala tindak-tanduk individu Muslim (Mohamed Mansor Abdullah, 1993:252).

Pemahaman yang jelas terhadap konsep malu seperti yang dituntut oleh Islam membolehkan masyarakat Melayu berfikiran terbuka dan berada di landasan yang betul. Misalnya, masyarakat Melayu mesti sedar walaupun Islam menggariskan bahawa sifat malu mesti dimiliki oleh setiap orang Muslim namun dalam beberapa hal malu mesti disingkirkan. Antaranya, ialah ketika mencari ilmu dan mengajar ilmu. Ali bin Abi Talib (Muhammad Ahmad Al-Muqaddam, 2004:64) pernah berkata, *"Orang yang tidak tahu, tidak selayaknya malu bertanya sehingga ia tahu, dan orang yang ditanya tidak perlu malu untuk mengatakan tidak tahu".* Malangnya, masih ramai yang gagal mengetepikan rasa malu terutamanya apabila melibatkan proses mencari ilmu. Sebagai contoh, pelajar-pelajar Melayu dikatakan memang pemalu, pendiam, tidak mahu menonjol diri dan lebih suka memendam pendapat. Dalam hal ini, Omar Md Hashim (2003:46) menyatakan mereka bersikap sedemikian kerana malu atau takut orang memandangnya bodoh selain terlalu hormat kepada gurunya. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mencapai dua tujuan, iaitu mengenal pasti persepsi mahasiswa Melayu terhadap sifat malu orang Melayu dan persepsi mahasiswa Melayu terhadap konsep malu orang Melayu.

3. Metodologi

Memandangkan kajian ini berbentuk kuantitatif, maka hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

1. Tidak ada perbezaan persepsi di antara pelajar lelaki dengan wanita terhadap sifat malu orang Melayu.
2. Tidak ada perbezaan persepsi di antara pelajar lelaki dengan wanita terhadap konsep malu orang Melayu.
3. Tidak ada perbezaan di antara persepsi pelajar bandar dengan luar bandar terhadap sifat malu.
4. Tidak ada perbezaan persepsi antara pelajar bandar dengan luar bandar terhadap konsep malu.

Kajian ini merupakan kajian lapangan yang melibatkan borang soal selidik. Ia mengandungi 3 bahagian, iaitu:

1. Bahagian 1 : 5 item (Latar Belakang)
2. Bahagian 2 : 13 item (Pandangan Responden Terhadap Sifat Malu)
3. Bahagian 3 : 12 item (Pandangan Responden Terhadap Konsep Malu Orang Melayu)

Kajian rintis telah dijalankan dengan melibatkan 30 orang pelajar Bacelor yang tidak terlibat dalam kutipan data sebenar. Walau bagaimanapun, mereka mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan responden kajian sebenar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kebolehpercayaan soal selidik, iaitu Bahagian 2 dan bahagian 3. Hasilnya, beberapa perubahan kecil telah dilakukan bagi memantapkan lagi item-item yang hendak disoal. Selanjutnya, borang soal selidik tersebut telah diedarkan kepada responden-responden yang dipilih secara rawak. Mereka terdiri daripada 172 orang pelajar Melayu yang sedang mengikuti program Bacelor di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Secara puratanya, semua responden dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam tempoh 15 minit. Butiran lanjut adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Taburan responden mengikut ciri demografik (N=172)

Profil responden	Kekerapan	Peratus
Jantina (n=172)		
Lelaki	26	15.1
Perempuan	146	84.9
Bandar / Luar Bandar (n=172)		
Bandar	76	44.2
Luar Bandar	96	55.8

Jadual 1 di atas menunjukkan jumlah responden perempuan (85%) lebih ramai berbanding lelaki (15.%). Manakala, lebih separuh (56%) daripada responden berasal daripada luar bandar.

4. Analisis dan Perbincangan

Data yang dikumpul telah dianalisis dengan menggunakan SPSS Versi 19. Perbincangan analisis telah dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu:

i. Analisis Kebolehpercayaan
ii. Analisis Deskriptif
iii. Analisis Inferensi.

i. Analisis Kebolehpercayaan

Melalui analisis kebolehpercayaan, nilai Cronbach Alpha yang diperolehi adalah seperti berikut:

Persepsi	No Item	Bil. Item	Nilai Kebolehpercayaan
Persepsi Pelajar Terhadap Sifat Malu	Item 6 hingga item 18	13	0.527
Persepsi Pelajar Konsep Malu	Item 19 hingga item 30	12	0.764

Memandangkan nilai kebolehpercayaan (Persepsi Pelajar Terhadap Sifat Malu) tidak memuaskan (0.527), maka item 10 telah dibuang bagi meningkatkan nilai kebolehpercayaan. Hasilnya, nilai item-item bagi (Persepsi Pelajar Terhadap Sifat Malu) telah meningkat kepada (0.716). Hal ini ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 2: Nilai Kebolehpercayaan dalam Item Soal Selidik

	No Item	Bil. Item	Nilai Kebolehpercayaan
Persepsi Pelajar Terhadap Sifat Malu	6, 7, 8, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17 dan 18	12	0.716
Persepsi Pelajar Konsep Malu	19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29 dan 30	12	0.764

ii. Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif ini dijalankan bagi menghuraikan ciri-ciri setiap pemboleh ubah, seperti yang terdapat dalam Bahagian 2 dan 3 borang soal selidik. Hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 3 di muka surat sebelah.

Jadual 3: Kekerapan Persepsi Terhadap Sifat Malu (N=172)

	Peratus						
Sifat Malu	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**	**Min**	**SP**
Emosi semulajadi	**1.7**	**6**	**1.7**	**26.7**	**69.2**	**4.61**	**0.72**
Sebahagian budi pekerti	**1.2**	**2.9**	**5.8**	**48.3**	**41.9**	**4.26**	**0.79**
Mendorong kebaikan	**2.9**	**6.4**	**24.4**	**37.8**	**28.5**	**3.82**	**1.01**
Mendorong meninggalkan kemungkaran	**3.5**	**4.7**	**17.4**	**33.1**	**41.3**	**4.04**	**1.04**
Akhlak dan peribadi mulia	**0.6**	**1.2**	**11.0**	**47.7**	**39.0**	**4.53**	**3.94**
Maruah dan harga diri	**0.6**	**0.6**	**2.9**	**36.0**	**59.9**	**4.54**	**0.64**
Malu manusia	**0.6**	**0.6**	**3.5**	**32.0**	**63.4**	**4.56**	**0.64**

berbeza-beza							
Keruntuhan akhlak disebabkan hilang malu	**1.7**	**1.7**	**2.3**	**23.3**	**70.9**	**4.59**	**0.77**
Banyak meninggalkan kesan negatif	**14.0**	**32.6**	**27.9**	**19.2**	**6.4**	**2.71**	**1.12**
Hanya mendatangkan kebaikan	**9.3**	**33.1**	**33.7**	**16.3**	**7.6**	**2.79**	**1.06**
Sebahagian kesantunan berbahasa	**1.2**	**2.3**	**9.9**	**60.5**	**26.2**	**4.08**	**0.74**
Hendaklah dipelihara	**0.6**	**0.0**	**1.7**	**27.9**	**69.8**	**4.66**	**0.57**
Sifat malu dan konsep malu adalah berbeza	**0.6**	**2.9**	**36.0**	**38.4**	**22.1**	**3.78**	**0.84**

Nota: 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=tidak pasti, 4=setuju, 5=sangat setuju

Berdasarkan Jadual 3 di atas, lebih separuh daripada responden (69.2%) menyatakan sangat setuju bahawa sifat malu merupakan emosi semulajadi. Responden juga sangat setuju (69.8%) bahawa setiap orang Islam hendaklah sentiasa memelihara sifat malu. Dalam hubungan ini, lebih separuh daripada responden (59.9%) sangat setuju bahawa sifat malu boleh dikaitkan dengan maruah dan harga diri. Seterusnya, sebahagian besar responden (70.9%) menyatakan sangat setuju bahawa keruntuhan akhlak yang berlaku adalah disebabkan hilangnya sifat malu dalam diri manusia. Hasil analisis turut menunjukkan bahawa, hampir separuh daripada responden (46.6%) tidak bersetuju bahawa sifat malu banyak meninggalkan kesan negatif. Seterusnya, sebanyak 33.7% menyatakan tidak pasti bahawa sifat malu hanya mendatangkan kebaikan.

Jadual 4 pula menunjukkan, lebih separuh daripada responden (55.8%) sangat setuju bahawa konsep malu orang Melayu mestilah berlandaskan Al-Quran dan Hadis. Seterusnya, sebanyak (53.5%) sangat setuju bahawa aspek ‘harga diri’, ‘maruah’ dan ‘air muka’ mempunyai kaitan dengan konsep malu. Manakala, hampir separuh daripada responden (49.4%) menyatakan setuju bahawa konsep malu mempunyai nilai yang tinggi, mulia dan suci.

Selanjutnya, hampir separuh daripada responden (47.7%) tidak pasti sama ada konsep malu orang Melayu merupakan satu-satunya konsep malu yang ada di dunia. Sebanyak (9.9%) pula, menyatakan tidak setuju bahawa orang Melayu mesti patuh kepada konsep malu. Analisis lengkap bagi setiap item adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Kekerapan Persepsi Terhadap Konsep Malu (N=172)

Konsep Malu	Peratus					Min	SP
	1	2	3	4	5		
Luas dan kompleks	**0.6**	**1.7**	**12.8**	**57.6**	**27.3**	**4.09**	**0.71**
Bersifat universal	**1.7**	**0.0**	**23.8**	**51.7**	**22.7**	**3.95**	**0.73**
Satu-satunya di dunia	**8.7**	**19.2**	**47.7**	**18.6**	**5.8**	**2.93**	**0.98**
Mengandungi nilai & kepercayaan	**1.2**	**1.7**	**25.0**	**55.2**	**16.9**	**3.84**	**0.75**
Merangkumi pelbagai aspek	**0.0**	**0.6**	**9.9**	**58.7**	**30.8**	**4.19**	**0.62**
Adat dan budaya dijadikan asas	**0.0**	**0.0**	**10.5**	**57.0**	**32.6**	**4.22**	**0.61**
Berlandaskan Al-Quran dan Hadis	**0.0**	**1.2**	**7.0**	**36.0**	**55.8**	**4.46**	**0.67**
Harga diri, maruah & air muka ada kaitan konsep malu	**0.0**	**1.7**	**1.2**	**43.6**	**53.5**	**4.48**	**0.61**
Mempunyai nilai yang tinggi, mulia & suci	**0.0**	**1.7**	**7.6**	**49.4**	**41.3**	**4.3**	**0.68**
Mesti difahami	**0.6**	**1.7**	**3.5**	**44.2**	**50.0**	**4.41**	**0.69**
Tidak hanya tertumpu kepada emosi & sifat	**0.6**	**3.5**	**8.1**	**46.5**	**41.3**	**4.24**	**0.79**
Orang Melayu mesti patuh kepada konsep malu	**1.2**	**8.7**	**23.8**	**44.8**	**21.5**	**3.76**	**0.92**

Nota: 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=tidak pasti, 4=setuju, 5=sangat setuju

Berdasarkan Jadual 3 dan Jadual 4, dapatlah disimpulkan bahawa para pelajar sangat bersetuju bahawa sifat dan konsep malu mencerminkan unsur yang positif dalam diri manusia. Mereka juga berpandangan bahawa sifat dan konsep malu orang Melayu mestilah berlandaskan Al-Quran dan Hadis. Walau bagaimanapun, dapatan analisis menunjukkan bahawa tahap pengetahuan mereka terhadap sifat malu melebihi konsep malu tetapi masih tidak mendalam.

iii. Analisis Inferensi

Analisis "Khi-Kuasa Dua Untuk Kebebasan" telah digunakan bagi menghuraikan hubungan persepsi pelajar terhadap sifat dan konsep malu dengan latar belakang responden. Analisis ini terbahagi kepada empat bahagian, iaitu:

a. Analisis Perhubungan antara Jantina Pelajar dengan Persepsi Mereka Terhadap Sifat Malu
b. Analisis Perhubungan antara Jantina Pelajar dengan Persepsi Mereka Terhadap Konsep Malu
c. Analisis Perhubungan antara Pelajar Bandar dan Luar Bandar dengan Persepsi Mereka Terhadap Sifat Malu
d. Analisis Perhubungan antara Pelajar Bandar dan Luar Bandar dengan Persepsi Mereka Terhadap Konsep Malu

a. Analisis Perhubungan antara Jantina Pelajar dengan Persepsi Mereka Terhadap Sifat Malu

Keputusan ujian Khi-Kuasa Dua *(Pearson Chi-Square)* ke atas responden kajian menunjukkan nilai signifikan 0.187, iaitu $p>0.05$. Nilai ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara pelajar lelaki dengan wanita terhadap sifat malu. Keputusan ini amat menyokong hipotesis kajian yang menyatakan bahawa tiada perbezaan persepsi di antara pelajar lelaki dengan wanita terhadap sifat malu orang Melayu.

b. Analisis Perhubungan antara Jantina Pelajar dengan Persepsi Mereka Terhadap Konsep Malu

Keputusan ujian Khi-Kuasa Dua (Pearson Chi-Square) ke atas responden kajian menunjukkan nilai signifikan 0.033, iaitu $p<0.05$. Nilai ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan wanita terhadap konsep malu. Dapatan ini secara mutlak menolak hipotesis kajian yang menyatakan tidak terdapat perbezaan persepsi di antara pelajar lelaki dengan wanita terhadap konsep malu orang Melayu.

c. Analisis Perhubungan antara Pelajar Bandar dan Luar Bandar dengan Persepsi Mereka Terhadap Sifat Malu

Keputusan ujian Khi-Kuasa Dua (Pearson Chi-Square) ke atas responden kajian menunjukkan nilai 0.543, iaitu $p>0.05$. Nilai ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan di antara persepsi pelajar bandar dengan luar bandar terhadap sifat malu. Dapatan ini telah dapat menyokong hipotesis kajian.

d. Analisis Perhubungan antara Pelajar Bandar dan Luar Bandar dengan Persepsi Mereka Terhadap Konsep Malu

Keputusan ujian Khi-Kuasa Dua (Pearson Chi-Square) ke atas responden kajian menunjukkan nilai 0.438, iaitu $p>0.05$. Keputusan ini menunjukkan tiada perbezaan persepsi antara pelajar bandar dengan luar bandar terhadap konsep malu. Dapatan ini sekali gus menyokong hipotesis kajian.

5. Kesimpulan

Dapatan kajian ini amat menyokong sebahagian besar dapatan kajian lepas. Hal ini kerana daripada empat hipotesis yang dibina dalam kajian ini, tiga daripadanya disokong oleh data yang diperolehi. Daripada analisis deskriptif pula, dapatan menunjukkan konsep malu orang Melayu mestilah berlandaskan Al-Quran dan Hadis. Selain itu, konsep malu merupakan konsep kesedaran berakhlak bagi orang Melayu yang juga berkait rapat dengan 'harga diri', 'maruah' dan 'air muka'. Sebagai penutup, pengkaji mencadangkan agar kajian mengenai sifat dan konsep malu orang Melayu dilanjutkan, terutamanya kajian yang melibatkan perbezaan persepsi di antara jantina dan konsep malu. Selain itu, kajian berbentuk kualitatif mengenai sifat dan konsep malu yang lebih mendalam perlu dilakukan bagi mengenal pasti sebab-sebab mengapa persepsi sedemikian wujud.

Rujukan

Abd Rahman Abd Majeed (2004). *Malu Perhiasan Diri*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Ahmad Samin Siregar (2000). "Pemakaian Bahasa Melayu sebagai Gambaran Budaya dan Cara Berfikir Masyarakat Melayu Sumatera Timur". Dlm. Darwis Harahap dan Abdul Jalil Hj. Anuar. *Kumpulan Kertas Kerja Kolokium Bahasa Pemikiran dan Melayu/Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

As'ad Ash-Shagharji (2003). *Cemburu, Malu, Sayang, karena Allah*. Jakarta: Gema Insani.

Mohamed Mansor Abdullah (1993). "Konsep Malu dan Segan Orang Melayu Berdasarkan Hikayat dan Cerita Melayu Lama". Dlm. *Psikologi Melayu*. Selenggara. Abdul Halim Othman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Ahmad Al-Muqaddam (2004). *Konsep Malu dalam Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.

Mulyadi (2001). "Konsep Emosi dalam Bahasa Melayu". Dlm. *Dewan Bahasa*, Jilid 1 (2): 28-35.

Norazlina Hj. Mohd. Kiram (2010). Konsep Malu Orang Melayu Dalam Novel Saga: Satu Kajian Sosiolinguistik. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaya.

Omar Md Hashim (2003). "Nilai-Nilai Melayu dalam Pendidikan". Dlm. *Jurnal Peradaban Melayu*. Tanjong Malim: Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Robert Sibarani (2004). "Fenomena Kesantunan Bahasa dalam Bahasa Indonesia/Melayu". Dlm. *Pemikiran Melayu: Tradisi dan Kesinambungan*. Selenggara. Worawit Baru@Haji Ahmad Idris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tenas Effendy (2002). *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teo Kok Seong (2003). "Kesantunan Berbahasa Kes Bahasa Melayu". Dlm. *Dewan Bahasa*, Jilid 3 (3): 14-23.

Zimbardo, P.G. dlm Radl, S.L. (1979). *The Shyness Workbook*. New York: A & W Publisher. Inc.